


Headline	Sains, teknologi diperkasa
Date	31. Mar 2008
Media Title	Berita Harian
Section	Nasional
Circulation	217920
Readership	2083000
Language	MALAY
Page No	13
Article Size	139 cm²
Frequency	Daily
Color	Full Color



Sains, teknologi diperkasa

Produk kreatif, inovatif boleh dipasarkan pada peringkat global



DAYA CIPTA: Peserta Universiti Multimedia Melaka, Lee Chee Chong, 23, yang mendapat tempat pertama pada Pertandingan Robocon Govinda 2008 Peringkat Kebangsaan mengendalikan robotnya untuk memintas lawanya, MMU juga akan mewakili Malaysia bagi pertandingan di India bagi Asian-Pacific Robot Govinda 2008.

BANGI: Kementerian Pengajian Tinggi akan terus memperkasakan bidang sains dan teknologi di institusi pengajian tinggi dan institusi latihan bagi melahirkan saintis, teknokrat dan jurutera yang dapat menyumbang kepada tamadun saintifik dan teknologi masa depan.

Timbalan Menterinya, Datuk Idris Haron, berkata menerusi Pelan Strategik Pendidikan Tinggi Negara (PSPTN) yang dilancarkan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, Ogos tahun lalu, bidang sains dan teknologi diharap dapat meramaikan tenaga mahir untuk menghasilkan produk kreatif dan inovatif yang boleh dipasarkan pada peringkat global.

"Mungkin kita tidak dapat berada di barisan hadapan teknologi moden untuk menyaingi negara maju seperti Amerika Syarikat dan Jepun."

"Namun, kita harus sentiasa mencuba untuk berada di depan terutama dalam bidang yang kita mempunyai kelebihan tertentu dengan menggunakan daya cipta dan inovasi kita sendiri supaya dapat meningkatkan imej Malaysia di arena antarabangsa," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis penutup pertandingan Robocon 2008 peringkat kebangsaan di Dewan Canselor Tun Abdul Razak (Dectar) Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), di sini, petang semalam.

Hadir sama, Ketua Pengarah Jabatan Pengajian Tinggi, Datuk Prof Dr Hassan Said; Ketua Pengarah Pejabat RTM, Datuk Abdul Rahman Mahmud; Ketua Eksekutif Sirim, Yahya Ahmad dan Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Akademik dan Antarabangsa UKM, Prof Datuk Dr Sukiman Sarmani.

Pertandingan itu adalah anjuran Kementerian Pengajian Tinggi dengan kerjasama Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, Sirim dan RTM yang berlangsung tiga hari bermula Jumaat lalu.

Idris berkata, sandaran utama dia saing negara adalah penggunaan teknologi terkini secara maksimum dan penghasilan lebih banyak pro-

duk, jenama dan paten baru.

Sehubungan itu, beliau berkata, kerajaan sudah membuat perubahan dalam sistem pendidikan dengan memberi tumpuan kepada pendidikan sains dan teknologi mulai 2001 hingga 2010.

"Dengan usaha untuk memperkenalkan mata pelajaran sains bermula di sekolah rendah, kita yakin ia dapat meningkatkan kesedaran pelajar terhadap pembangunan sains dan teknologi, malah melahirkan pelajar yang mempunyai daya reka cipta yang kreatif dalam sains dan teknologi," katanya.

Sementara itu, pasukan Universiti Multimedia Melaka (MMU 1) muncul juara pertandingan Robocon 2008 apabila menumpaskan Universiti Teknikal Malaysia Melaka 3 (UTeM 3) dengan 30 mata berbalas 15 mata.

Dengan kemenangan itu, MMU 1 akan mewakili Malaysia ke pertandingan Robocon peringkat antarabangsa 2008 di Pune, India pada Ogos ini.

Tempat ketiga dimenangi pasukan Universiti Teknologi Malaysia (UTM A) dan Universiti Putra Malaysia (UPM B).

MMU 1 meraih wang tunai RM10,000 dan tambahan AS\$1,000 (RM3,200) sumbangan Kesatuan Penyiaran Asia Pasifik (ABU), naib juara RM5,000 manakala tempat ketiga masing-masing mendapat RM2,500.

Anugerah Idea Terbaik dimenangi pasukan Pusat Latihan Pengajar dan Kemahiran Lanjutan (Ciast) Mengkuang, Reka Bentuk Terbaik (UTeM 3) dan Kejuruteraan Terbaik dikuasai MMU 1.

Kita harus mencuba berada di depan dalam bidang yang kita ada kelebihan tertentu dengan menggunakan daya cipta dan inovasi kita sendiri supaya dapat meningkatkan imej Malaysia di arena antarabangsa"

Idris Haron
Timbalan Menteri Pengajian Tinggi